

Mahathir ajak negara2 Asia Timur bersatu dalam satu suara

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

MAHATHIR AJAK ASIA TIMUR BERSATU

Timur di luar ASEAN," ujarnya ketika menyampaikan ucapan dasar di Persidangan Negara - Negara ASEAN dan Ekonomi Dunia di sini lewat petang ini.

Ucapan Perdana Menteri itu yang mendapat tepukan gemuruh dari para peserta persidangan bertajuk: "Dari Konfrontasi Kepada Kerjasama - Agenda ASEAN Ke Arah Keamanan Yang Produktif".

Persidangan tiga hari itu yang dirasmikan oleh Presiden Suharto petang semalam turut dihadiri oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong dan Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah serta beberapa tokoh terkenal dari Amerika dan Jepun.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, Amerika Syarikat telah mengadakan satu kesatuan perdagangan bebas dengan Canada dan tidak lama lagi mereka akan mengadakan pakatan yang sama dengan Mexico dalam usaha untuk menjadikan seluruh Benua Amerika sebagai satu kumpulan ekonomi yang kukuh.

Bagaimanapun, katanya, negara-negara Asia Timur tidak melakukan sesuatu untuk menghadapi cabaran ini.

"Apakah usaha yang telah kita lakukan untuk memelihara sistem perdagangan bebas kita?," tanya Dato' Sri Dr. Mahathir.

Katanya, K.E.A.T bukanlah berhasrat untuk menjadi satu blok ekonomi sepertimana yang dibentuk melalui Kesatuan Negara-Negara Eropah atau EEC.

K.E.A.T juga bukanlah bertujuan untuk menjadi satu blok ekonomi seperti negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah tetapi lebih berbentuk kerjasama ekonomi serantau yang lebih sempurna dan bermakna, katanya.

Tambah Dato' Sri Dr. Mahathir, sesuatu kumpulan ekonomi hanya akan menjadi satu blok apabila salah sebuah negara anggota kumpulan itu tidak dibenarkan lagi berurusan dengan negara lain yang di luar kumpulan tersebut.

Beliau berkata, Kesatuan Eropah atau EC mendakwa tindakan seumpama itu bukanlah satu tindakan blok perdagangan tetapi hakikatnya ialah kuota perdagangan import yang dikenakan bukan lagi berdasarkan keperluan negara individu itu tetapi sebaliknya mengikut kehendak EC sendiri.

Menjelang tahun 1992, katanya, adalah dikhuatiri perdagangan di antara negara-negara EC akan menjadi perdagangan domestik sahaja dan kerana bimbang ancaman dari luar, mereka akan mengenakan kuota import ke atas barangan - barangan dari luar kesatuan mereka.

"Dua kesalahan tidak menjadi satu kebenaran dan kita di Asia Timur tidak seharusnya membentuk blok perdagangan untuk kepentingan kita sendiri tetapi sebaliknya kita mestilah membentuk kumpulan yang dapat berbincang dan berurusan dengan Eropah dan Amerika.

"Dan oleh kerana saiz pasaran K.E.A.T itu sendiri yang luas, pandangan kita mahu tidak mahu akan didengar juga," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, apabila konsep pembentukan K.E.A.T jelas bahawa ia dibentuk bukanlah untuk bersaing dengan ASEAN, kebimbangan terhadapnya akan lenyap.

Dari
Zaid Abdul Rahman

DENPASAR (Bali) 4 Mac - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak negara-negara Asia Timur bersatu dalam satu suara untuk melindungi perdagangan bebas yang tidak mereka nikmati selama ini dan menghentikan tekanan ekonomi daripada sistem perdagangan blok.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya perdagangan dunia akan menerima faedah daripada perjuangan yang akan didokong oleh negara-negara Asia Timur jika mereka berjaya membentuk satu Kumpulan Ekonomi Asia Timur (K.E.A.T).

Dato' Sri Dr. Mahathir ketika mengajukan cadangan pembentukan K.E.A.T di hadapan lebih 1,000 peserta persidangan negara-negara ASEAN dan ekonomi dunia di sini lewat petang ini menegaskan, cadangan itu nampak mustahil untuk dilaksanakan melainkan negara Asia Timur sendiri sedia berbincang dan meletakkan kepentingan mereka dalam satu nada.

Katanya, cadangan untuk mewujudkan K.E.A.T bukanlah bertujuan untuk membentuk satu sistem perdagangan blok Timur tetapi semata-mata untuk melindungi kepentingan ekonomi bersama.

"Selepas beberapa tindak-balas negatif mengenai cadangan untuk membentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur, Eropah dan Amerika Syarikat sekarang telah menunjukkan reaksi yang lebih positif.

"Anggota-anggota ASEAN pula telah memahami konsep pembentukan kumpulan ekonomi ini dan apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah mengengahkan konsep ini kepada negara-negara Asia

LIHAT MUKA 2